

22 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Maruah)

UMMI: PELIWAT TIDAK BOLEH DIBIAR JADI PM

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali, penulis surat yang mendakwa Datuk Seri Anwar Ibrahim terlibat dalam salah laku seks, berkata di Mahkamah Tinggi hari ini bahawa beliau tidak boleh membiarkan Anwar menjadi Perdana Menteri kerana mendakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu seorang peliwat.

Saksi ke-17 perbicaraan kes rasuah Anwar itu berkata, beliau membuat satu laporan bertajuk Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri kerana mahu menegakkan maruah keluarganya, agama dan bangsa.

"Yang Arif, sebagai sebuah negara Islam, kita tidak boleh membiarkan peliwat menjadi Perdana Menteri," katanya ketika disoal balas oleh peguam Christopher Fernando.

Anwar, 51, yang juga bekas Menteri Kewangan menghadapi empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan beliau terlibat dalam salah laku seks.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Ummi bersetuju dengan cadangan Fernando bahawa laporan berhubung salah laku seks Anwar itu yang dibuat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih kepada soal maruah.

Laporan itu mengandungi antarlain dakwaan bahawa Anwar ada menjalinkan hubungan sulit dengan Shamsidar Taharin, isteri bekas setiausaha peribadinya Mohd Azmin Ali yang juga abang Ummi.

Fernando: Kamu berpendapat bahawa salahkah daripada segi moral bagi seorang suami berada bersama isteri orang?

Ummi: Ya, sudah pasti dalam Islam haram hukumnya bagi suami orang dan isteri orang menjalinkan hubungan.

Fernando: Adakah kamu seorang yang berprinsip?

Ummi: Saya adalah seorang yang akan melakukan sesuatu berlandaskan prinsip-prinsip keimanan dan tanggungjawab.

Fernando: Adakah kamu seorang yang bermoral tinggi?

Ummi: Yang Arif, saya cuba elakkan daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma-norma penghidupan dan nilai Islam.

Kepada soalan lain, Ummi yang masih bujang berkata, beliau tidak pernah ditangkap kerana melakukan kesalahan seksual.

Fernando: Pernahkah kamu ditangkap kerana khalwat?

Ummi: Saya tidak pernah ditangkap khalwat. Soalan itu memalukan saya.

Pada peringkat ini, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Mohamed Yusof Zainal Abiden memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya ingin memberi notis untuk soalan berhubung bukti mengenai keperibadian Ummi.

Hakim Datuk S. Augustine Paul yang mendengar kes itu berkata, soalan mengenai keperibadian Ummi itu mungkin relevan memandangkan wanita itu adalah orang yang bertanggungjawab membuat dakwaan mengenai salah laku seks Anwar.

-- BERNAMA

SBB MAI